

12/10/1998

PM ingatkan pelabur usah amal sikap untung cepat

BARU-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap merasmikan sebuah majlis mengingatkan pelabur supaya tidak mengamalkan sikap untuk untung cepat dalam pasaran saham kerana ia boleh memberikan kesan buruk kepada perniagaan malah negara keseluruhannya.

Ini disebabkan oleh kegiatan pengambilan untung segera mengakibatkan harga saham turun apabila pelabur menjual untuk keuntungan beberapa sen seunit dan secara tidak langsung mengakibatkan syarikat yang terbabit menderita.

Menurut beliau, syarikat yang disenaraikan ialah syarikat yang kukuh dan membuat keuntungan di antara RM100 juta dan RM2 bilion setiap tahun sebelum pedagang mata wang asing mengenakan tekanan ke atas pasaran negara ini.

Sehubungan itu, beliau menyeru pelabur supaya bersabar dan menunggu sehingga indeks saham naik lebih tinggi sehingga 500 hingga 600 mata. Sekiranya mereka mampu bersabar, mereka boleh menjual saham mereka sedikit dengan nilai yang lebih tinggi dan pasti keuntungan yang diperolehi lebih baik daripada jika ia dijual sekarang.

Bagi kerajaan sekiranya masyarakat perniagaan untung banyak, 28 peratus daripada keuntungan adalah milik kerajaan dan ini boleh membantu kerajaan menjalankan tanggungjawabnya kepada rakyat melalui pelbagai kemudahan yang disediakan hasil daripada kutipan cukai yang dilakukan.

Justeru itu, pelaburan jangka panjang adalah amalan yang harus dimainkan oleh setiap pihak dalam usaha pemulihan ekonomi. Pelaburan dalam bentuk saham amanah adalah antara instrumen pelaburan jangka panjang selain daripada pelaburan melalui pembelian bon atau insurans serta pelbagai instrumen kewangan lagi.

Permodalan Nasional Bhd (PNB) sentiasa menggalakkan pelabur mengekalkan pelaburan mereka dan hanya mengeluarkannya jika perlu saja. Ini adalah kerana pulangan yang bakal mereka perolehi adalah lebih baik jika ia dilaburkan dalam jangka panjang jika dibandingkan pelaburan jangka pendek.

Ciri-ciri yang dimiliki oleh skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) seperti unit diurusniagakan dengan harga tetap dan ini mengurangkan risiko yang perlu diambil oleh pelabur dalam pelaburan mereka. Keistimewaan melabur dalam saham amanah antaranya adalah seperti kepelbagaian portfolio pelaburan yang juga adalah kelebihan dari segi nilai wang yang dilaburkan. Contohnya, jika kita memiliki RM10,000 dan bercadang membeli beberapa lot saham dari sektor yang berbeza seperti peladangan, telekomunikasi dan lain-lain. Maka, jumlah unit yang diperolehi adalah terhad dan pulangan yang diperolehi adalah terdedah kepada risiko yang agak tinggi.

Tetapi dengan melabur melalui saham amanah, wang yang dilaburkan akan disebarkan dalam pelbagai sektor. Cara ini mengurangkan risiko serta pulangan yang diterima juga lebih memuaskan.

Tambahan lagi skim saham amanah ini adalah skim yang menawarkan pelbagai keistimewaan kepada pelabur melalui perkhidmatan yang ditawarkan. Ini adalah perkhidmatan tambah nilai bagi menggalakkan pelabur membuat pilihan untuk melabur.

Skim ASB, ASN dan ASW 2020 menawarkan skim khairat kepada pelabur yang melabur dalam skimnya.

Tambahan lagi, sistem rangkaian komputer juga memudahkan pelabur mengurus niaga dengan pelbagai pilihan seperti melalui tele-amanah, mel terus, skim

potongan gaji menerusi ejen yang berjumlah lebih 1,200 di seluruh negara.  
(END)